

## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	22/8/2019	MUKA SURAT	: 16
JABATAN	:	KATS / YBM / JSPM / BBP		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

## Malaysia komited pulihara hutan, kekalkan biodiversiti

**Petaling Jaya:** Lebih separuh daripada tanah di negara ini kekal diliputi hutan, sekalipun berlaku pembangunan pesat.


Sehubungan itu, kerajaan terus komited memastikan kesinambungan penjagaan dan pemuliharaan kekayaan biodiversiti hutan hujan negara.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr A Xavier Jayakumar, berkata 55.3 peratus atau 18.28 juta hektar kawasan tanah di Malaysia, kini diliputi hutan dan ini melebihi Ikrar 50 peratus yang dibuat Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, ketika Sidang Kemuncak Bumi di Rio De Janeiro, Brazil pada 1992.

"Kejayaan kita menggabungkan dan mengimbangi pembangunan serta keperluan pemuliharaan alam sekitar, membantu menjamin kita tidak musnahkan kekayaan flora dan fauna negara, terutama hutan hujan kita, yang juga antara hutan tertua di dunia," katanya kepada *BH*.

Beliau turut menyangkal dakwaan dicitaskan kempen didalangi pihak asing, yang menuduh kononnya kemusnahan hutan di Malaysia ada kaitan dengan pembukaan ladang kelapa sawit.

Xavier menyifatkannya sebagai kempen sesat kerana pada hakikatnya, sudah terbukti Malaysia mengembangkan industri kelapa sawit negara secara mam-



**Kerajaan komited memastikan kesinambungan penjagaan dan pemuliharaan kekayaan biodiversiti hutan hujan negara.**

pan, dengan mengelakkan kemusnahan hutan atau habitat hidupan liar.

Antara lain, kerajaan menegenakan sekatan terhadap penanaman kelapa sawit di kawasan tanah gambut dan Hutan Simpan Kekal.

Usaha yang dilakukan untuk meningkatkan pengeluaran hasil tanpa menambah keluasan kawasan tanaman, turut membahaskan hasil amat ketara lagi memberangsangkan.

Katanya, kerajaan akan meningkatkan usaha untuk menambah baik pengurusan hutan



A Xavier Jayakumar

secara mampan dan mengarus perdanakan biodiversiti, dalam agenda pembangunan sosioekonomi Malaysia pasca 2020.

Ini termasuk penambahan Kawasan Dilindungi. Sepenuhnya daripada 13.2 peratus kepada 20 peratus menjelang 2025, seperti mana digariskan dalam Dasar Keperluan Biologi Kebangsaan, selain kempen meyasarkan penanaman 100 juta pokok dalam tempoh lima tahun.

Kementerian turut mengajurkan pameran 'Hutan Kita-Kembara Menjelajah Hutan Hujan' di Menara Kuala Lumpur, yang

akan dibuka kepada umum selama sebulan bermula 24 Ogos ini, bagi menyemarakkan kesedaran awam mengenai usaha kerajaan memulihara hutan negara.

Pameran yang akan dianjurkan Dr Mahathir Jumaat ini, bakal mempersembahkan kekayaan biodiversiti negara selain mengetengahkan usaha gigih kerajaan menerusi Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli untuk melindungi khazanah berharga alam semula jadi negara ini.

Pameran ini dibuka percuma.

